

1.0 PENGENALAN

Penerbitan Penunjuk Ekonomi Malaysia ini memberikan maklumat ekonomi semasa yang bertujuan untuk memantau kedudukan ekonomi Negara. Ia terdiri daripada Indeks Pelopor, Serentak dan Susulan bagi Indeks Komposit dan Indeks Difusi yang diterbitkan secara bulanan.

2.0 OBJEKTIF

Objektif utama Penunjuk Ekonomi Malaysia adalah untuk memantau prestasi ekonomi Malaysia secara bulanan dan membantu penggubal dasar, pelabur, penyelidik serta masyarakat umum untuk menilai prestasi ekonomi.

3.0 SUMBER DATA

Data bagi penyediaan Indeks Komposit dan Indeks Difusi diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia serta agensi berikut:

- i. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT);
- ii. Bank Negara Malaysia (BNM);
- iii. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- iv. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA);
- v. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
- vi. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
- vii. Bursa Malaysia.

4.0 METODOLOGI

- 4.1 Pemilihan setiap komponen bagi Indeks Komposit adalah mengikut garis panduan yang terkandung dalam *Business Cycle Indicators Handbook*¹ iaitu:
 - i. **Keakuran terhadap kitaran perniagaan**
Data siri yang dipilih perlu seiring dengan kitaran perniagaan.
 - ii. **Konsisten terhadap fungsi indeks**
Data siri perlu sentiasa berfungsi secara konsisten sama ada sebagai indeks pelopor, serentak atau susulan.
 - iii. **Signifikan terhadap ekonomi**
Data siri yang dipilih perlu menyumbang secara signifikan kepada aktiviti ekonomi.
 - iv. **Kecukupan statistik**
Data mestilah dikumpul dan diproses dengan menggunakan kaedah statistik yang dipraku.
 - v. **Kelicinan**
Pergerakan data siri masa bulan ke bulan mestilah licin dan tidak banyak elemen ketidaktentuan.
 - vi. **Ketepatan**
Komponen yang terpilih mestilah mempunyai data siri yang bertepatan masa, tepat dan terkini untuk menghasilkan penunjuk yang berguna kepada analisis semasa.
- 4.2 Data siri masa yang terpilih perlu menjalani ujian pelarasan musim bagi mengeluarkan pengaruh musim terhadap data siri tersebut.

¹ McGuckin R.H. *et al.* (2000) *Business Cycle Indicators Handbook*. The Conference Board, United States.

NOTA KETERANGAN

4.3 Komponen-komponen yang terkandung dalam Penunjuk Ekonomi Malaysia adalah seperti berikut:

Indeks	Komponen
Pelopor	i. Penawaran Wang Benar, M1 ii. Indeks Perusahaan Bursa Malaysia iii. Import Benar Semi Konduktor; iv. Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain v. Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan vi. Jangkaan Nilai Jualan, Pembuatan vii. Bilangan Syarikat Baru Didaftarkan
Serentak	i. Jumlah Guna Tenaga, Pembuatan ii. Gaji & Upah Benar, Pembuatan iii. Indeks Pengeluaran Perindustrian iv. Nilai Caruman Benar, KWSP v. Kapasiti Penggunaan, Pembuatan vi. Indeks Kuantiti Perdagangan Runcit
Susulan	i. Kos Seunit Buruh, Pembuatan ii. Bilangan Projek Pelaburan Baru Diluluskan iii. Bilangan Kenderaan Baru Didaftarkan iv. Eksport Gas Asli & Minyak Mentah v. IHP Perkhidmatan

5.0 KONSEP DAN DEFINISI

5.1 Indeks Komposit

Indeks Komposit merupakan gabungan komponen individu yang digunakan untuk mengukur gelagat kitaran ekonomi. Kebaikan Indeks Komposit berbanding analisis komponen individu ialah ianya dapat mengeluarkan pengaruh ketidakstabilan sesuatu komponen. Pada umumnya, Indeks Komposit lebih berupaya menghasilkan isyarat titik pusing yang jelas dan konsisten berbanding penunjuk secara individu. Terdapat tiga jenis Indeks Komposit dalam Penunjuk Ekonomi Malaysia iaitu indeks pelopor, serentak dan susulan.

i. Indeks Pelopor (IP)

Indeks Pelopor merupakan ukuran jangkaan keseluruhan aktiviti ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

ii. Indeks Serentak (IS)

Indeks Serentak merupakan ukuran komprehensif terhadap prestasi keseluruhan ekonomi semasa.

iii. Indeks Susulan (ISL)

Indeks Susulan berfungsi sebagai pengesah kepada isyarat Indeks Pelopor dan Indeks Serentak.

5.2 Indeks Difusi

Indeks Difusi adalah pelengkap kepada Indeks Komposit. Ia digunakan untuk membantu membuat keputusan terutamanya dalam penentuan titik pusing kitaran ekonomi.

Nilai 100 bagi Indeks Difusi menunjukkan semua komponen meningkat dan nilai sifar bermaksud semua komponen mengalami penurunan. Sebagai contoh, nilai Indeks Difusi pada 85 mata bagi IP menunjukkan bahawa 85 peratus komponen IP meningkat pada bulan berkenaan.

5.3 Kitaran Perniagaan

Kitaran perniagaan merujuk kepada turun naik aktiviti ekonomi agregat seperti pengeluaran, pendapatan, guna tenaga, perdagangan dan sebagainya. Terdapat 2 fasa utama kitaran perniagaan iaitu fasa pengembangan dan kemelesetan.

Peningkatan dari titik kawah ke puncak ditakrifkan sebagai fasa pengembangan manakala penurunan dari titik puncak ke kawah ditakrifkan sebagai fasa kemelesetan. Fasa kemelesetan kitaran perniagaan ditentukan oleh kejatuhan Indeks Komposit Serentak sekurang-kurangnya enam bulan secara berturut-turut.

Sebagai contoh, Paparan 1 menunjukkan puncak bagi kitaran kelima Indeks Serentak pada Januari 2008 menandakan bermulanya fasa kemelesetan ekonomi dan kawah pada Mac 2009 menandakan berakhirnya fasa kemelesetan atau bermulanya fasa pengembangan ekonomi.

Paparan 1: Tempoh Rujukan Kitaran Perniagaan Malaysia

Bilangan Kitaran	Tempoh Rujukan	Kawah ke Puncak (Bulan)	Puncak ke Kawah (Bulan)	Tempoh Rujukan	Kitaran Penuh (Bulan)
Kitaran Pertama	Jul 74			Jul 74—Feb 75	
Kitaran Kedua	Feb 75—Jan 85	119		Jan 85—Jan 86	131
Kitaran Ketiga	Jan 86—Dis 97	143		Dis 97—Nov 98	154
Kitaran Keempat	Nov 98—Feb 01	27		Feb 01—Feb 02	39
Kitaran Kelima	Feb 02—Jan 08	71		Jan 08—Mac 09	85
Kitaran Keenam	Mac 09 - Feb 20	131		Feb 20—Jul 21	148
	Purata	98		Purata	110

5.4 Kitaran Pertumbuhan

Kitaran pertumbuhan ialah turun naik aktiviti ekonomi agregat di sepanjang arah aliran jangka panjangnya. Arah aliran jangka panjang aktiviti ekonomi agregat dianggarkan menggunakan kaedah *Hodrick Prescott Filter* terhadap Indeks Serentak. Kitaran pertumbuhan dihasilkan melalui penyisihan indeks daripada arah aliran jangka panjangnya.

Puncak kitaran pertumbuhan bermaksud berakhirnya fasa kenaikan dan bermulanya fasa penurunan pertumbuhan ekonomi. Sementara kawah bagi kitaran pertumbuhan menunjukkan berakhirnya fasa penurunan atau bermulanya fasa kenaikan pertumbuhan ekonomi.

Sebagai contoh, Paparan 2 menunjukkan titik puncak bagi kitaran kesembilan pada bulan April 2004 menandakan bahawa ekonomi telah memasuki fasa pertumbuhan perlahan dan kawah bagi kitaran pertumbuhan pada November 2005 menunjukkan bermulanya fasa pertumbuhan tinggi.

NOTA KETERANGAN

Paparan 2: Tempoh Rujukan Kitaran Pertumbuhan Malaysia

Bilangan Kitaran	Tempoh Rujukan	Kawah ke Puncak (Bulan)	Puncak ke Kawah (Bulan)	Tempoh Rujukan	Kitaran Penuh (Bulan)
Kitaran Pertama	Feb 73—Mei 74	15	10	Mei 74—Mac 75	25
Kitaran Kedua	Mac 75—Nov 76	20	8	Nov 76—Jul 77	28
Kitaran Ketiga	Jul 77—Jul 81	48	16	Jul 81—Nov 82	64
Kitaran Keempat	Nov 82—Jan 85	26	24	Jan 85—Jan 87	50
Kitaran Kelima	Jan 87—Okt 88	21	18	Okt 88—Apr 90	39
Kitaran Keenam	Apr 90—Jan 92	21	12	Jan 92—Jan 93	33
Kitaran Ketujuh	Jan 93—Jan 98	60	12	Jan 98—Jan 99	72
Kitaran Kelapan	Jan 99—Ogo 00	19	18	Ogo 00—Feb 02	37
Kitaran Kesembilan	Feb 02—Apr 04	26	19	Apr 04—Nov 05	45
Kitaran Kesepuluh	Nov 05—Jan 08	26	14	Jan 08—Mac 09	40
Kitaran Kesebelas	Mac 09—Jul 11	28	12	Jul 11—Jul 12	40
Kitaran Keduabelas	Jul 12—Mac 15	32	14	Mac 15—Mei 16	46
Kitaran Ketigabelas	Mei 16—Apr 19	35	12	Apr 19—Apr 20	47
Purata		29	15	Purata	44

6.0 KEKANGAN PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA

Terdapat beberapa kekangan Penunjuk Ekonomi Malaysia yang perlu diambil perhatian oleh pengguna:

- Indeks Pelopor tidak dapat mengukur atau meramal perubahan magnitud dalam aktiviti ekonomi. Indeks ini hanya menunjukkan arah tuju ekonomi di masa hadapan.
- Indeks Serentak tidak menggambarkan tahap situasi ekonomi semasa. Justeru itu, ia tidak boleh ditafsirkan sebagai aras Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) semasa bulanan.
- Sistem penunjuk ekonomi tidak berupaya untuk mengambil kira kejutan pengaruh dalaman atau/dan luaran kepada ekonomi.